

Bahagian C

[25 markah]

[Masa dicadangkan: 35 minit]

Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab satu soalan sahaja.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah antara 80 hingga 120 patah perkataan.

Soalan 1

Kamu dan rakan-rakan kamu telah menyertai kem motivasi yang diadakan di sekolah.
Ceritakan pengalaman kamu semasa menyertai kem tersebut.

ATAU

Soalan 2

Jika hari ini seorang Perdana Menteri berkuasa
Jika hari ini seorang Raja menaiki takhta
Jika hari ini seorang Presiden sebuah negara
Jika hari ini seorang ulama yang mulia
Jika hari ini seorang peguam menang bicara
Jika hari ini seorang penulis terkemuka
Jika hari ini siapa sahaja menjadi dewasa
Sejarahnya dimulakan oleh seorang guru biasa
Dengan lembut sabarnya mengajar tulis baca.

Rangkap di atas merupakan sebahagian daripada sajak "Guru Oh Guru". Baris-baris tersebut menggambarkan kejayaan pemimpin, golongan profesional, golongan istana dan rakyat biasa bermula daripada kesabaran dan tunjuk ajar seorang guru mengajar membaca dan menulis.

Berdasarkan maksud baris-baris sajak tersebut, tulis karangan yang bertajuk, "Terima kasih, cikgu".

Tulis karangan itu selengkapnya.

BAHAGIAN C

No. Soalan

25

KERTAS SOALAN TAMAT